

USIM perlu berani teroka idea baharu

Oleh FARABI SHEIKH SAID AL JABRI
pengarang@utusan.com.my

SEREMBAN 30 Nov. - Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) perlu lebih berani mencipta dan meneroka idea baharu yang lebih global, menjadi pesaing hebat serta relevan dalam arena pendidikan tinggi tempatan dan antarabangsa, selain boleh memimpin dan menjadi rujukan pelbagai cabang ilmu.

Canselornya, Tuanku Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud bertitah, biarpun usia USIM baru mencecah 13 tahun namun perkara itu tidak seharusnya menjadi halangan untuk terus tererosok dan memencilkan diri dari arus perdana.

"Beta difahamkan USIM telah mencipta pelbagai kejayaan di dalam mahupun luar negara sepanjang 2013. Ini bersesuaian dengan hasrat kepimpinan baharu yang ingin membawa USIM mempelopori Sains Islam lebih ke hadapan.

"Ini termasuklah penerimaan Anugerah Akademik Negara, Anugerah Majlis Ilmiah Penerbitan Malaysia (MAPIM), Pingat Emas di Pertandingan British Invention Show (BIS) London, Ekspo Inovasi Islam (i-INOVA), Novel Research and Innovation Competition (NRIC) dan

**Pesta
KONVO**
Utusan Mingguan USIM
kali ke-11, 2013

terkini di Persidangan dan Ekspo Ciptaan Institusi Pengajian Tinggi Antarabangsa (Pencipta)," titah baginda dalam majlis Istiadat Konvokesyen USIM Ke-11 di Stadium Tertutup Nilai, di sini hari ini.

Turut mengiringi baginda, Tunku Besar Seri Menanti, Tunku Ali Redhauddin ibni Tuanku Muhriz yang juga Pro Canselor universiti berkenaan.

Turut hadir, Pengerusi Lembaga Pengarah USIM, Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Abdul Shukur Husin; Naib Canselor USIM, Profesor Datuk Dr. Asma Ismail serta pengurusan tertinggi universiti.

Tuanku Aishah Rohani bertitah, kejayaan dan pencapaian yang dicipta itu membuktikan universiti ini mampu duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan universiti perdana lain, apatah lagi acuan unik USIM yang mengintegrasikan

ilmu 'Aqli' dan 'Naqli' sebagai tiang seri penubuhannya.

Dalam pada itu, baginda juga mahu para graduan membalas jasa selepas mencapai kejayaan dan membantu universiti ini sama ada dari segi kewangan mahupun pemikiran supaya USIM bertambah maju dan dapat melahirkan graduan-graduan yang berkualiti pada masa depan.

"Adalah menjadi harapan beta untuk melihat USIM menjadi sebuah universiti unggul yang mana ilmu diberikan kepada graduan-graduan itu mempunyai kualiti yang tinggi dan setiap graduan yang keluar dari kampus ini menjadi rebutan kerana kelayakan yang diperolehnya," titah baginda.

Dalam istiadat berkenaan Tuanku Aishah Rohani berkenan mengurniakan serta menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Pengurusan Sumber Manusia kepada Naib Canselor dan Presiden Taylor University, Prof. Datuk Dr. Hassan Said.

Baginda turut berkenan mengurniakan serta menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman kepada bekas Ketua Pengarah serta Ketua Hakim Syarie, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia, Tan Sri Sheikh Ghazali Abdul Rahman.



TUANKU Aishah Rohani Almarhum Tengku Besar Mahmud berkenan menyampaikan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah Syariah dan Kehakiman kepada Syeikh Ghazali Abdul Rahman pada Majlis Konvokesyen Ke-11 Universiti Sains Islam Malaysia di Nilai, Negeri Sembilan, semalam. - MINGGUAN/ ABD. RAZAK AID